

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
**FAKULTI SENIBINA, PERANCANG DAN UKUR**  
**PROGRAM SENIBINA DALAMAN**  
**NOV-APR 2005**

Adalah disyorkan bahawa kajian akhir ini disediakan

Oleh:

**NOOR ELIANA BINTI HUSSIN**

**2001357217**

Bertajuk

**LAPORAN CADANGAN MEREKABENTUK PUSAT KRAF WAU**  
**DI MUARA SUNGAI DINDING, LUMUT, PERAK**  
**UNTUK TETUAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN**  
**PELANCONGAN**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi

Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia	:	Puan Ruzana Abd. Kadir	-----
Koordinator	:	Puan Norashikin Abdullah	-----
Ketua Program	:	Puan Ramlah Awi	-----



## ISI KANDUNGAN

### BAB 1

### MUKA SURAT

#### Pengenalan

1.0	Pengenalan Projek	2
1.1	Permasalahan Projek	4
1.2	Kepentingan Projek	5
1.3	Matlamat dan Objektif Projek	6
	1.3.0 Kepentingan kepada Negara	8
	1.3.1 Kepentingan kepada Masyarakat	9
	1.3.2 Kepentingan kepada Pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan	10
1.4	Skop Projek	12
1.5	Kajian Kes	14
	1.5.0 Petrosains (KLCC)	



## **Penghargaan**

Menghasilkan sebuah kajian memerlukan konsentrasi yang bukan sedikit. Walaupun ianya tidaklah serumitmenghasilkan penulisan yang kritikal, pengumpulan data adalah rancangan utama yang memerlukan kesabaran dan masa. Ramai individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung yang perlu dihargai di dalam penulisan ini.

Penghargaan ini terlebih dahulu dititipkan kepada En. Haji Hassan diatas segala curahan ilmu yang diberikan seikhlas hati untuk kepentingan generasi kini dan akan datang. Juga kepada pihak Universiti Teknologi Mara, terutamanya Pn. Ruzana bt. Abd Kadir selaku penyelia kajian ini dan Pn. Norashikin Abdullah selaku koordinator. Penglibatan Pn. Ramlah bt. Awi selaku ketua program perlu juga dihargai.

Komunikasi dan kerjasama yang baik dari pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan juga amat saya hargai kerana penglibatan pihak kementerian ini amatlah penting bagi merangka elemen-elemen yang hendak dipamerkan di dalam ruang galeri ini. Oleh itu kerjasama dari Tuan Haji Mohd Ariff Bin Yusof sebagai Pegawai Perhubungan Awam Bahagian Kebudayaan

---

---



## **ABSTRAK**

Masyarakat Melayu mempunyai pelbagai jenis kebudayaan yang digarap daripada pelbagai keturunan. Kebudayaan ini disatukan menjadi satu kebudayaan yang unik kerana hampir setiap keturunan mempunyai adat sehingga membentuk kebudayaan Melayu. Ini termasuklah suka bergotong-royong menjalankan kegiatan ekonomi, di mana ikatan itu terus diperkukuh dan dipererat dengan acara-acara keramaian dan juga hiburan. Lantaran resam yang demikian maka banyak permainan tradisional yang dipertandingkan.

Permainan tradisional telah berupaya membentuk sebahagian daripada kehidupan yang dilalui oleh nenek moyang kita. Asas penting yang menjamin kesinambungan permainan tradisional pada masa lalu ialah keseragaman cara hidup nenek moyang kita. Kegiatan harian, bermusim dan tahunan daripada individu ke individu tidak banyak berbeza. Ini membolehkan mereka bekerja dan berhibur pada masa yang sama. Malah sejak dari kecil lagi mereka membiasakan diri dengan keadaan yang demikian. Apabila musim menuai padi berakhir dan musim tengkujuh tiba pesawah dan nelayan mengisinya dengan kerja-kerja sampingan. Kerja-kerja demikian boleh ditangguhkan dengan mudah.



## **pengenalan**

Masyarakat melayu mempunyai pelbagai jenis kebudayaan yang digarap daripada pelbagai keturunan. kebudayaan ini disatukan menjadi satu kebudayaan yang unik kerana hampir setiap keturunan mempunyai adat sehingga membentuk kebudayaan melayu. ini termasuklah suka bergotong-royong menjalankan kegiatan ekonomi, di mana ikatan itu terus diperkukuh dan dipererat dengan acara-acara keramaian dan juga hiburan. lantaran resam yang demikian maka banyak permainan tradisional yang dipertandingkan.

Permainan tradisional telah berupaya membentuk sebahagian daripada kehidupan yang dilalui oleh nenek moyang kita. asas penting yang menjamin kesinambungan permainan tradisional pada masa lalu ialah keseragaman cara hidup nenek moyang kita. kegiatan harian, bermusim dan tahunan daripada individu ke individu tidak banyak berbeza. ini membolehkan mereka bekerja dan berhibur pada masa yang sama. malah sejak dari kecil lagi mereka membiasakan diri dengan keadaan yang demikian. apabila musim menuai padi berakhir dan musim tengkujuh tiba pesawah dan nelayan mengisinya dengan kerja-kerja sampingan. kerja-kerja demikian boleh ditangguhkan